

Kerajaan tidak lantik ejen kutip wang

KUALA LUMPUR - Kerajaan tidak pernah melantik mana-mana ejen untuk menjalankan urusan mengutip wang yang tidak dituntut, kata Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Johari Abdul Ghani.

Beliau berkata, warta dikeluarkan kerajaan berhubung wang yang tidak dituntut hanya akan dibayar kepada individu yang namanya terkandung dalam warta tersebut.

“Oleh sebab apabila ia diwartakan oleh kerajaan, maklumat itu menjadi ‘public knowledge’ dan pihak luar seperti ejen-ejen boleh melihat nama-nama yang mempunyai wang yang tidak dituntut ini.

“Ingin saya tegaskan bahawa lantikan ejen oleh mana-mana individu adalah di luar bidang kuasa kerajaan, dan bayaran hanya dilakukan terus kepada tuan punya nama dan akaun sahaja,” katanya menjawab soalan **M Kulasegaran (DAP-Ipoh Barat)** di Dewan Rakyat, semalam.

Johari berkata, setakat Oktober 2015, jumlah wang yang tidak dituntut, yang diserahkan kepada pendaftar wang, berjumlah RM7.6 bilion dan baki semasa berjumlah RM5.3 bilion.